

Animasi tempatan Upin & Ipin mula dapat tempat di pasaran luar: Md Alwi



MD Alwi (kiri) memberikan penerangan mengenai sektor animasi negara.

SEKTOR animasi negara berpotensi dipasarkan ke peringkat antarabangsa kerana Malaysia mempunyai keupayaan dari segi teknologi dalam industri itu, kata Pengerusi Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) Datuk Seri Md Alwi Che Ahmad.

Beliau berkata, produk animasi tempatan seperti Upin & Ipin sudah mula mendapat tempat di pasaran luar, malah menerima sambutan luar biasa daripada negara jiran.

"(Potensi sektor animasi kita) besar, kita mempunyai keupayaan sebab kita ada teknologi. Di Malaysia kita lebih ke hadapan dalam sektor ini. Kita sudah lama mulakan langkah dan dari segi kandungan, MDEC boleh bantu," katanya ketika ditemui pemberita di Pavilion Malaysia sempena penganjuran *Marche Du Film* di Palais des Festival di Cannes, baru-baru ini.

Md Alwi berkata, MDEC sebagai agensi peneraju yang menggalakkan lebih banyak penghasilan filem animasi akan terus mempergiat promosi bagi membolehkan sektor animasi negara menembusi pasaran global.

Menurutnya penganjuran *Marche Du Film* menjadi platform terbaik kepada MDEC untuk mempromosi dan memperkenalkan produk animasi negara seperti Upin & Ipin, Ejen Ali, Mechamoto dan Batik Girl.

"MDEC mesti membawa bendera Malaysia ke sini (*Marche Du Film*) dan menyatakan bahawa animasi adalah sesuatu yang besar sebab kalau dalam industri perfileman kena ada latihan mengenai lakonan, penerbit yang hebat dan sebagainya.

"Tetapi, dalam animasi kita tak ada benda itu semua, yang perlu ada adalah inovasi dalam melahirkan animasi yang bagus. Macam Upin & Ipin tidak perlu nama dan penerbit besar, tetapi kita sudah tunjukkan bahawa kita berjaya. Sebab itu MDEC datang ke sini mudah-mudahan kita dapat menambah lagi pelaburan untuk negara kita," katanya.

Disiarkan pada: Mei 23, 2022 @ 7:00am